

Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengambil inisiatif menerbitkan Buku Panduan Pengantin Baharu (SmartStart) edisi Braille khusus untuk golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan dalam menempuh alam perkahwinan.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Suriani Ahmad berkata, ia adalah bahan bacaan tambahan berkaitan ilmu perkahwinan dan pengukuhan institusi kekeluargaan memandangkan masalah perceraian di awal perkahwinan begitu membimbangkan.

Katanya, menerusi hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 dan LPPKN, 56.2 peratus lelaki dan 38 peratus wanita membubarkan perkahwinan dengan alasan tiada persefahaman.

"Selain itu, lebih satu pertiga perkahwinan kurang daripada tempoh lima tahun berakhir dengan perceraian dan ini memberi kesan negatif kepada emosi serta persekitaran anak.

Terbit buku Braille pengantin baru



SURIANI

"Peratusan ini membabitkan semua orang tanpa mengira upaya atau kurang upaya. Tambahan pula, serentak Mac tahun ini, 11,000 daripada 41,000 OKU penglihatan berada pada peringkat mendirikan rumah tangga dan masih di awal perkahwinan.

"Jadi sekarang, kurangnya, dengan bahan bacaan tam-

bahan ini, mereka dapat melayari bahtera perkahwinan dan membentuk keluarga bahagia," katanya selepas merasmikan Seminar Persefidaan Diri Ke Arah Keluarga Cemerlang dan pelancaran Buku SmartStart edisi Braille, di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Presiden, Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Datuk Kulasagaran Sabaratnam.

Seminar anjuran MAB itu dihadiri 200 OKU penglihatan.

Suriani berkata, penerbitan buku itu juga membukitkan bahan bacaan tidak terhad untuk orang upaya saja kerana menerusi teknologi OKU juga boleh memperoleh ilmu kekeluargaan sebagaimana orang lain.

"Ia juga untuk membantu ibu bapa dan pasangan muda membina institusi perkahwinan cemerlang dan seimbang tanpa mengira golongan upaya atau kurang upaya," katanya.